

Semua Ketua Jabatan Negeri
Melaka



KERAJAAN NEGERI MELAKA

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2009

TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULANAN TAHUN 2010 DAN PERATURAN-PERATURAN YANG BERKAITAN

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk :-

- 1.1.1 Memaklumkan tarikh-tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2010 dan;
- 1.1.2 Menetapkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh Jabatan/PTJ bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan gaji dibayar mengikut jadual yang ditetapkan.

2. TARIKH-TARIKH PEMBAYARAN GAJI

- 2.1 Tarikh-tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2010 adalah seperti yang dicatatkan dalam **Lampiran A** telah ditetapkan berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 6 Tahun 2004 bertajuk "Pindaan Arahan Perbendaharaan 105 Mengenai Tarikh Membayar Gaji".
- 2.2 Bagi tahun 2010, gaji untuk bulan Februari, November dan Disember dibayar lebih awal. Pembayaran gaji awal ini hendaklah dianggap sebagai pembayaran gaji untuk bekerja sebulan penuh dan perbelanjaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat dengan betul daripada peruntukan. Oleh itu, sekiranya pulangan balik hendak dilakukan dalam bulan-bulan berkenaan maka perkara ini perlu diambilkira.

3. PERATURAN PEMBAYARAN GAJI

3.1 Untuk memastikan Pejabat Perbendaharaan Negeri dapat membuat pembayaran gaji mengikut tarikh yang ditetapkan, jabatan /PTJ dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut:-

3.1.1 Bayaran Gaji Melalui Sistem Gaji Berkomputer

- a) Menghantar Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Negeri bagi mengelakkan sebarang kelewatan. Sila rujuk **Lampiran B** iaitu jadual penghantaran Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) melalui Sistem SPEKS ke Perbendaharaan Negeri Melaka.
- b) Menyemak maklumat dalam Fail Induk Gaji dan mengambil tindakan serta merta untuk membuat pelarasan dan pembetulan jika perlu. Kesilapan yang perlu diperbetulkan dalam Fail Induk Gaji termasuk butir-butir peribadi, nombor akaun bank, tarikh lantikan, tangga gaji dan nombor rujukan potongan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Cukai Pendapatan dan sebagainya mengikut format seperti di **Lampiran C**.
- c) Semua arahan bagi membuat potongan gaji hendaklah lengkap seperti nama, nombor kad pengenalan dan nombor rujukan akaun potongan. Kesilapan dan kegagalan mengemukakan maklumat tersebut mengakibatkan potongan gaji tidak dapat dikreditkan ke akaun yang betul.
- d) Sebarang pertukaran akaun bank hendaklah dibuat melalui Borang Perubahan Gaji (Kew.320) dan disokong dengan salinan buku bank atau penyata akaun sahaja. Ia bertujuan bagi mengelakkan berlakunya kesilapan memasukkan nombor akaun yang betul ke dalam sistem payroll dan juga mengakibatkan gaji tidak dapat dikreditkan ke akaun sebenar penerima pada tarikh gaji patut diterima.
- e) Jabatan juga perlu memasukkan data ke dalam payroll melalui Borang Perubahan Gaji (Kew 320) bagi semua kakitangan baru, kakitangan yang bertukar jabatan dan kakitangan kontrak pada bulan kemasukan kakitangan ke jabatan tersebut dengan **segera**. Sekiranya berlakunya kelewatan untuk memasukkan data selepas tarikh penghantaran borang Kew.320 ke Perbendaharaan Negeri, perubahan tersebut hendaklah dilakukan pada bulan berikutnya. Ia bagi mengurangkan pembayaran gaji melalui baucer berasingan.

3.1.2 Bayaran Gaji Secara Manual

- (a) Baucar Bayaran bagi kakitangan yang menerima gaji harian hendaklah dihantar pada 1 haribulan pada bulan berikutnya, atau hari bekerja pertama selepas akhir bulan jika 1 haribulan itu adalah hari minggu atau hari cuti.


4. PENUTUP

- 4.1 Semua Jabatan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan seperti di perenggan 3 agar pembayaran gaji dapat dilakukan pada tarikh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(SADIKIN BIN ATAN)
Bendahari Negeri,
Melaka.

s.k : Y.B Datuk Wira Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Y.B Datuk Pegawai Kewangan Negeri Melaka

JADUAL PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 2010

BULAN	TARIKH	HARI	CATATAN
Januari	25.01.2010	Isnin	
Februari	08.02.2010	Isnin	(Tahun Baru Cina 14 & 15.02.2010)
Mac	25.03.2010	Khamis	
April	22.04.2010	Khamis	
Mei	24.05.2010	Isnin	
Jun	24.06.2010	Khamis	
Julai	22.07.2010	Khamis	
Ogos	25.08.2010	Rabu	
September	23.09.2010	Khamis	(Hari Raya Aidilfitri 10 & 11.09.2010)
Oktober	25.10.2010	Isnin	
November	10.11.2010	Rabu	(Hari Raya Haji 17 & 18.11.2010)
Disember	20.12.2010	Khamis	(Hari Krismas 25.12.2010)

Nota : Gaji bagi Hari Raya Aidilfitri tidak dibayar awal kerana perayaan ini jatuh sebelum 11 haribulan pada bulan berkenaan.

**JADUAL PENGHANTARAN BORANG PERUBAHAN GAJI (KEW 320) KE
PERBENDAHARAAN NEGERI**

BULAN	TARIKH GAJI	HARI	TARIKH AKHIR KE PEJABAT BENDAHARI	HARI
Januari	25.01.2010	Isnin	05.01.2010	Selasa
Februari	08.02.2010	Isnin	20.01.2010	Rabu
Mac	25.03.2010	Khamis	02.03.2010	Selasa
April	22.04.2010	Khamis	01.04.2010	Khamis
Mei	24.05.2010	Isnin	04.05.2010	Selasa
Jun	24.06.2010	Khamis	04.06.2010	Jumaat
Julai	22.07.2010	Khamis	01.07.2010	Khamis
Ogos	25.08.2010	Rabu	03.08.2010	Selasa
September	23.09.2010	Khamis	02.09.2010	Khamis
Oktober	25.10.2010	Isnin	01.10.2010	Jumaat
November	10.11.2010	Rabu	25.10.2010	Isnin
Disember	20.12.2010	Isnin	01.12.2010	Rabu

MAKLUMAT FAIL INDUK KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

1	Jabatan / PTJ	:	<input type="text"/>
2	Nama	:	<input type="text"/>
3	No.Gaji / KP Baru	:	<input type="text"/>
4	Status Gaji	:	<input type="text"/>
5	Taraf Perkahwinan	:	1- Bujang <input type="checkbox"/> 2- Kahwin, isteri bekerja <input type="checkbox"/> 3- Kahwin, isteri tidak bekerja <input type="checkbox"/> 4- Duda <input type="checkbox"/> 5- Janda <input type="checkbox"/> 6- Balu <input type="checkbox"/> 7- Kahwin, suami bekerja <input type="checkbox"/> 8- Kahwin, suami tidak bekerja <input type="checkbox"/>
6	Bil. Anak (PCB)	:	<input type="text"/>
7	Bangsa	:	1- Melayu <input type="checkbox"/> 2- Cina <input type="checkbox"/> 3- India <input type="checkbox"/> 4- Kadazan, Kiwakai atau Dusun <input type="checkbox"/> 5- Murut <input type="checkbox"/> 6- Bajau, Illanau <input type="checkbox"/> 7- Lain-lain keturunan di Sabah, Lotud, Bungus, Tambonuo <input type="checkbox"/> 8- Lain-lain <input type="checkbox"/>
8	Jantina	:	L- Lelaki <input type="checkbox"/> P- Perempuan <input type="checkbox"/>
9	Kewarganegaraan		1- Warganegara <input type="checkbox"/> 2- Bukan Warganegara <input type="checkbox"/> 3- Penduduk Tetap <input type="checkbox"/>
10	Agama		A- Islam <input type="checkbox"/> B- Buddha <input type="checkbox"/> C- Hindu <input type="checkbox"/> D- Kristian <input type="checkbox"/> E- Lain-lain <input type="checkbox"/>

- 11 Tarikh Lahir :
- 12 Jenis Kenaikan : 1- Statik
 2- Mendatar
 3- Melintang
 4- Menegak
- 13 Bulan Kenaikan Gaji: 1- Januari
 2- April
 3- Julai
 4- Oktober
- 14 Tarikh Lantikan 1 :
- 15 Tarikh Lantikan Skrg :
- 16 Jawatan :
- 17 Taraf Jawatan :
- 18 Kumpulan : 1- Pengurusan Tertinggi
 2- Pengurusan dan Profesional
 3- Sokongan
 4- Pengurusan Tertinggi Gred Khas
- 19 Tangga gaji :
- 20 Pencen/KWSP : Ya/Tiada KWSP
 KWSP 8%
 KWSP 11%
- 21 No. Rujukan KWSP :
- 22 Perkeso : Ya - Jenis 1
 Ya - Jenis 2
 Tidak
- 23 No. Rujukan Perkeso :
- 24 No. Rujukan LHDN :
- 25 No. Rujukan LHDN Suami:
- 26 Kod>Nama Bank :
- 27 No. Akaun Bank :